

# Events ... (Conferences, Meetings, Trainings & Workshops)

## Majlis Penutupan Program *Anime No Hi* Anjuran UiTM Cawangan Pulau Pinang

oleh Melati Desa

*Anime No Hi* merupakan program anjuran Japanese Language Club (JLC) UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Japanese Language Society (JLS) UiTM Shah Alam. Program ini dianjurkan buat pertama kalinya di UiTM CPP pada 15 April 2022. *Anime No Hi* atau Hari *Anime* merupakan acara sambutan tahunan seluruh dunia yang ditetapkan pada 15 April. Pertama kali disambut di Tokyo pada tahun 1975 yang mana lebih 700 peminat hadir untuk meraikan hari tersebut. Pada mulanya, acara ini hanya merupakan tayangan animasi kanak-kanak. Kini pelbagai perhimpunan dianjurkan oleh peminat *Anime* Jepun di Asia, Amerika Syarikat dan United Kingdom. Pada acara ini peminat *Anime* akan mengenakan kostum *Anime* kegemaran mereka yang dipanggil sebagai *cosplay*. Pengunjung lain pula akan saling bergambar dengan *cosplayer* kegemaran mereka.

*Anime* mula mendapat perhatian dunia kerana stail *anime* yang mengetengahkan seni grafik yang menarik, perwatakan yang pelbagai, sinematografi, dan banyak lagi bentuk imaginasi dan teknik individualistik. Dibandingkan dengan animasi Barat, *anime* kurang bertumpukan kepada pergerakan, tetapi lebih mengutamakan *setting* dan kesan kamera seperti panorama, *zooming* dan sudut. Hari *Anime* memberi peluang kepada peminat-peminat *anime* untuk berkumpul dan berkongsi pengalaman masing-masing. Perhimpunan ini juga bertujuan untuk berkongsi sejarah *anime* di samping mencari peluang baru untuk memperkenalkan *anime* dalam filem dan media sosial. Antara sebab lain kenapa peminat *anime* di seluruh dunia suka meraikannya adalah kerana,

1. Berpeluang untuk mempelajari bahasa dan budaya Jepun.
2. Berpeluang menyaksikan hasil kerja pelukis karikatur berpengalaman di Jepun
3. Masyarakat luar dari negara Jepun berpeluang untuk mempelajari hasil kerja ilustrator Jepun yang telah menyumbang kepada kejayaan seni dan hiburan di Jepun.
4. Berpeluang mencari kenalan baru yang berkongsi minat yang sama dalam *anime*.

*Anime no Hi* merupakan satu inisiatif yang memberi ruang kepada bukan sahaja peserta malahan juga kepada penganjur, JLC UiTM CPP sendiri untuk berinteraksi dan menjalin kerjasama dengan kampus lain. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada JLS Shah Alam yang telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan program *Anime No Hi*. Diharap kerjasama sebegini akan diadakan lagi di masa akan datang.

Majlis penutupan program yang diadakan seperti berikut:

Tarikh: 14 Mei 2022 (Sabtu)

Masa : 4.00 PM - 5.00 PM

Platform: Google Meet

Link: <https://meet.google.com/jud-ncay-mxh>

Berikut merupakan nama pelajar untuk 3 kategori pertandingan yang dijalankan dalam tempoh sebulan.

### Oshare Gakuen (Cosplay)

1. Muhammad Alias Muizz Bin Zakaria, UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang
2. Andy Roy, UiTM Puncak Alam, Selangor
3. Nur Izzati Insyirah Binti Muhammad Nizam, UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang

### Geijutsu Taikai (Kesenian)

1. Nurul Husna Amani Binti Sabri, UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang
2. Adelin Suraya Binti Mokhtar, UiTM Puncak Alam, Selangor
3. Magret Azeyra Rap, UiTM Shah Alam, Selangor

### Kokoro No Koe (Suara Hati)

1. Nur Adibah Farhana Bt Mahamad Zahir, UiTM Merbok, Sg Petani
2. Muhammad Akmal 'aqil Bin Shahabuddin, UiTM Shah Alam, Selangor
3. Mohd Amirullah Bin Mohd Idzhar, UiTM Merbok, Sg Petani

